

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JULY 2016

BN,UMNO tidak khuatir dengan penubuhan parti baharu

um - 16/7/2016

ULAANBAATAR, 15 Julai - Barisan Nasional (BN) dan UMNO sedia berhadapan dengan mana-mana parti baharu atau pakatan pembangkang kerana yakin ia semakin kukuh dan masih mendapat sokongan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata beliau telah meminta parti-parti komponen BN merapatkan barisan dan menghadapi apa juga cabaran, sama ada daripada parti pembangkang sedia ada atau yang baharu.

“Kita mahu BN terus kukuh, menang dan jadi kerajaan pada pilihan raya umum ke-14 nanti,” katanya ketika diminta mengulas pengumuman penubuhan parti baharu oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada Khamis.

Menurut Zahid, kemenangan BN pada pilihan negeri



Kemenangan BN pada pilihan negeri Sarawak dan pilihan raya kecil Kuala Kangsar dan Sungai Besar menunjukkan BN terus meraih sokongan rakyat, namun ia tidak boleh terlalu yakin.”

AHMAD ZAHID HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri

Sarawak dan pilihan raya kecil Kuala Kangsar dan Sungai Besar menunjukkan BN terus meraih sokongan rakyat, namun ia tidak boleh terlalu yakin.

Katanya, walaupun BN tidak

menafikan mereka (pembangkang) mempunyai pengaruh, ia akan menyerahkan kepada rakyat untuk membuat perbandingan dan melihat prestasi pencapaian yang ditunjukkan BN selama ini.

“Sebagai negara demokrasi, kita tak boleh halang mana-mana kumpulan atau orang membuat parti baharu, mengambil alih atau menukar nama parti. Kita tahu PRU tinggal dua tahun sahaja maksimum, mereka rasakan paling baik cari pengaruh,” tambah Zahid. Dr Mahathir mengumumkan beliau akan menubuhkan parti baharu yang akan menjadi sebahagian daripada komponen pakatan pembangkang bagi menghadapi PRU ke-14.

Pakatan pembangkang yang baharu itu terdiri daripada DAP, PKR dan Parti Amanah Negara sebagai anggotanya. - BERNAMA